

Isu Sabah: Malaysia tak minta sebarang jaminan dari Filipina

ON 17 DEC 1987

SUBANG 16 Dis. — Malaysia tidak meminta sebarang jaminan dari Filipina mengenai penyelesaian tuntutan he atas Sabah dan sedia menunggu proses penyelesaiannya. Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia berharap soal tuntutan itu dapat diselesaikan semasa sidang kemuncak ASEAN ketiga di Manila tetapi memandangkan ia tidak dapat dilaksanakan, soal segera atau lambat sudah tidak timbul lagi sekarang. Katanya, Presiden Corazon Aquino sendiri tidak memberi jaminan mengenai penyelesaian soal tuntutan itu dan beliau sendiri tidak memintanya sewaktu mereka bertemu semasa sidang yang berakhir kelmarin itu. Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu demikian ketika menjawab soalan mengenai isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang di sini hari ini selepas kembalinya dari Manila. Perdana Menteri yang telah menyifatkan isu itu seperti tulang halus yang terlekat di kerongkong memberitahu, dalam pertemuannya dengan Puan Aquino, pemimpin Filipina itu cuma memberitahu mereka akan bekerja keras bagi menyelesaikannya. Katanya, Presiden Filipina itu juga telah menerangkan kepadanya proses undang-

undang negaranya di mana presidennya mestimendapat persetujuan senat terlebih dahulu dalam menyelesaikan isu itu. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau memahami masalah itu. Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak dapat membuat penilaian dari perkembangan-perkembangan terbaru sama ada isu itu sudah hampir ke arah penyelesaian. Bagaimanapun beliau berkata: "Saya dapat bayangkan ia semakin dekat." Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberitahu beliau tidak dapat membuat perbandingan sama ada hubungan Malaysia semakin rapat atau renggang berbanding dengan waktu

dahulu. Menjawab satu lagi soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu kehadirannya di sidang kemuncak ASEAN di Manila ditakrifkan sebagai lawatan pertama Perdana Menteri Malaysia ke negara itu. Katanya, beliau ke sana cuma untuk menghadiri satu mesyuarat antarabangsa yang diadakan di Manila dan ia bukan satu lawatan rasmi. Datuk Sri Dr. Mahathir menyuarakan penghargaan kepada persiapan termasuk dari segi kawalan keselamatan yang diatur oleh Kerajaan Filipina yang rapi hingga membolehkan sidang kemuncak itu berlangsung tanpa kejadian yang tidak diingini.